

RINGKASAN AMANAT YAB PERDANA MENTERI SEMPENA **HARI PEKERJA 2014**

- i. YAB Perdana Menteri telah menyentuh mengenai cabaran hadapan negara yang perlu kita semua hadapi. Antaranya ialah :
 - a) Prinsip dan pegangan kita ialah perlu responsif kepada perubahan. Berasaskan pegangan inilah Malaysia telah kecapai kemajuan negara pada waktu ini.
 - b) Kita juga perlu menerokai idea-idea baru supaya terus meningkatkan prestasi untuk memenuhi ekspektasi rakyat.
 - c) Penjawat awam juga perlu peka mengenai cabaran-cabaran yang harus ditempuhi untuk negara berada dalam keadaan kompetitif. Telah terdapat beberapa kajian mengenai petunjuk cabaran yang dijangka wujud pada masa akan datang. Antaranya, laporan Future State 2030 oleh KPMG International dan University of Toronto mengenai sembilan (9) cabaran utama atau *megatrends* yang boleh memberi impak besar kepada

Kerajaan dan Perkhidmatan Awam mulai sekarang hingga tahun 2030 ialah perubahan demografi.

d) Di Malaysia berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia populasi pada tahun 2030 yang berumur di antara 15 hingga 29 tahun ialah seramai 8.2 juta orang bersamaan 22 peratus daripada jumlah populasi. Manakala golongan yang berumur 65 tahun dan ke atas ialah 3.3 juta atau 9.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Ini bererti bahawa dasar kerajaan perlu mengambil kira dengan serius kehendak dan keperluan generasi muda bermula daripada sekarang. Penekanan sewajarnya diberi kepada mempertingkatkan dasar-dasar yang mengalakkan pelaburan, dan yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan agar tidak terarah kepada pasaran kerja yang tepu.

e) YAB Perdana Menteri juga telah menekankan pentingnya pembangunan sumber manusia, terutamanya dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh pasaran buruh *employability* sebagai contoh pendidikan vokasional, kerjasama latihan bersama sektor swasta, keushawanan. Dalam masa yang sama kerajaan juga

tidaklah boleh mengabaikan urusan bagi menjaga kebajikan warga yang berumur 60 tahun ke atas dalam konteks ini ialah pesara kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan melalui JPA telahpun merangka program menguruskan kebajikan pesara-pesara kerajaan.

- f) YAB Perdana Menteri didalam ucapannya juga menekan elemen kreatif dan inovatif atau ~~Advance~~ *Advance thinking* yang harus terus dibangunkan secara serius dan perlu ada di setiap penjawat awam.
- g) Kombinasi pertumbuhan penduduk dan ekonomi serta kesan perubahan iklim akan memberi tekanan kepada permintaan terhadap sumber asli yang terhad seperti air, makanan, tanah pertanian dan sumber tenaga. Simbiosis (kebergantungan) *megatrends* ini memberi lebih cabaran kepada Kerajaan dan penjawat awam. Sekaligus menuntut penjawat awam lebih berinovasi dan berfikir di luar dan melampaui kotak kebiasaan (*think out and beyond the box*).
- h) Justeru itu, berasaskan kajian-kajian *future thinking*, pembinaan senario (*scenario building*) dan analisis

senario (*scenario analysis*) perlulah dilaksanakan bagi menyediakan penjawat awam dan Kerajaan menghadapi *worst case scenario* melangkaui tahun 2020.

- ii. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya juga telah menekankan peranan Perkhidmatan Awam dalam mengurangkan perbelanjaan awam bagi memantapkan kedudukan fiskal untuk mengekalkan daya tahan ekonomi dan meningkatkan lagi keyakinan rakyat dan pelabur.
- iii. Dalam usaha meningkatkan ekonomi negara, YAB Perdana Menteri juga telah mengariskan perancangan Kerajaan dalam mengukuhkan kedudukan fiskal dan mengurangkan bajet defisit negara. Antaranya menstruktur subsidi secara berperingkat, memantau kenaikan harga barang agar tidak membebankan pengguna dan termasuklah pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau *Goods and Servis Tax* (GST) mulai April 2015 menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau *Sales Tax and Services Tax*.
- iv. GST dan hasil penjimatan berikutan rasionalisasi subsidi akan membolehkan Kerajaan merangka dan membiayai

lebih banyak program-program pembangunan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

- v. YAB Perdana Menteri juga telah menekankan peranan penjawat awam dalam Transformasi Awam secara menyeluruh yang berpaksikan lima (5) teras iaitu mendaya upayakan sumber manusia, penstrukturan semula organisasi, sesi *engagement* dengan *stakeholder*, pemupukan nilai-nilai murni dan peningkatan sistem penyampaian.

- vi. YAB Perdana Menteri juga menekankan penjawat awam yang tinggi nilai-nilai integriti dan semangat patriotismenya, seharusnya dapat melaksanakan tugas dengan lebih beramanah dan berintegriti. Maka tidak timbullah isu-isu seperti ketirisan perolehan kerajaan, rasuah dan salah guna kuasa. Mereka juga menjadi benteng hadapan yang bukan sahaja menangkis malah memperbetulkan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak yang memburuk-burukkan Kerajaan. Janganlah pula kita menjadi seperti bidalan Melayu bak *sokong membawa rebah*'.